

SOALAN NO: 352

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJJAH NORAH BT. ABDUL
RAHMAN (TANJONG MANIS)**

RUJUKAN : 10736

SOALAN :

**Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman [Tanjong Manis] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah pendirian dan
bentuk tindakan yang akan diambil ke atas kes penderaan
pembantu rumah warga asing oleh majikan hingga menyebabkan
kematian seorang warganegara Indonesia di Pulau Pinang baru-
baru ini.**

98

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian memandang serius kes penderaan secara fizikal atau secara mental terhadap pembantu rumah asing oleh majikan kerana perlakuan sedemikian boleh mencemarkan imej negara.

Berkaitan kes penderaan terhadap pembantu rumah warganegara Indonesia bernama Adelina Lisao berumur 21 tahun pada 10 Februari 2018 sehingga menyebabkan kematian, pihak polis telah menjalankan siasatan berkait Bt Tengah Repot 1882/18 di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan Seksyen 55A Akta Imigresen.

Tangkapan telah dibuat ke atas seorang lelaki dan 2 orang wanita yang merupakan majikan kepada mangsa. Suspek telah didakwa di mahkamah pada 21 Februari 2018. Pihak polis juga menjalankan siasatan di bawah Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM) dan kes ini masih dalam siasatan.

99

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS (2018)**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD
RAHMAN [TANJONG MANIS]
SOALAN : 353

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mempercepatkan hasil analisa makmal Jabatan Kimia Malaysia untuk sampel air daun ketum yang dihantar oleh PDRM dari tempoh dua bulan kepada tempoh yang lebih singkat untuk kes tangkapan pengusaha dan penagih air daun ketum oleh PDRM.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Kimia Malaysia, sebagai agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berperanan memberi perkhidmatan analisis kimia dan sains forensik kepada agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang Malaysia termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Bagi analisis kimia yang melibatkan sampel air ketum, Piagam Pelanggan yang ditetapkan ialah 30 hari dari tarikh sampel diterima. Walau bagaimanapun, pertambahan kes rampasan melibatkan daun ketum di beberapa negeri terutamanya di Kedah, Perlis, Pulau Pinang,

102

Kelantan dan Perak telah menyebabkan laporan analisis dikeluarkan lebih dari 30 hari.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes rampasan yang melibatkan pengusaha dan penagih air daun ketum seluruh negara yang diterima oleh makmal Jabatan Kimia Malaysia dari PDRM telah meningkat dari 2,561 kes bagi tahun 2015 kepada 3,251 kes bagi tahun 2016 dan 5,850 kes bagi tahun 2017. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 27% pada tahun 2016 dan 79% pada tahun 2017. Kebanyakan kes-kes ini (85% kes) diterima dari negeri-negeri di utara Semenanjung. Daripada 5,850 kes air daun ketum yang diterima bagi tahun 2017, 4,056 daripadanya (69.33%) telah mematuhi piagam pelanggan 30 hari.

Selain menjalankan analisis sampel air ketum, Jabatan Kimia Malaysia juga terlibat dalam analisis ke atas sampel dadah jenis dari kumpulan NPS (*'New Psychoactive Substances'*) yang baru disenaraikan dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Racun 1952 di mana analisis penentuan dadah-dadah baharu ini melibatkan proses kerja yang rumit dan kompleks.

Walau bagaimanapun, usaha telah diambil untuk mempercepatkan tempoh pengeluaran laporan analisis sampel air ketum dan dadah melalui tindakan seperti berikut:

- (i) penambahbaikan terhadap proses kerja;
- (ii) penambahbaikan kaedah analisis;
- (iii) mempertingkatkan pengurusan peralatan dan sumber;

- 101
- (iv) meningkatkan penyelarasan dengan PDRM untuk mempercepat penghantaran sampel dan pengambilan laporan; dan
 - (v) memobilasikan dan menyusun semula keperluan peralatan saintifik makmal ke Bahagian yang mempunyai keperluan lebih mendesak.

Sekian, terima kasih.